

PKR tolak permainan politik kotor

PUTRAJAYA – Beberapa pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) konsisten menolak sebarang bentuk permainan politik kotor dalam menjatuhkan pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, beliau menggesa agar penyebaran video intim melibatkan seorang individu menyerupai Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dihentikan serta-merta.

"Gaya dan cara berpolitik seperti ini tidak membawa sebarang keuntungan kepada masyarakat dan negara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin pula menyifatkan latar belakang penuduh yang mengaitkan Mohamed Azmin dalam video itu adalah meragukan.

"Keyakinan saya ini adalah berdasarkan latar belakang penuduh yang sangat me-



ZURAIDAH



SAIFUDDIN



NURUL IZZAH

ragukan dan diketahui mempunyai hubungan baik dengan pihak pembangkang," ujarnya.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar turut mengutuk budaya politik lucuah dan fitnah sambil menganggap ia sebagai tindakan tidak bertamadun.

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menjauhkan diri daripada terjebak kepada budaya sebegitu yang dilihat sebagai menjengkelkan.

Selain itu, Gabungan Ketua-Ketua Angkatan Muda

Keadilan Selangor mendesak Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, menggantung tugas, Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) beliau, Haziq Abdullah Abdul Aziz.

Ketua AMK Kuala Selangor, M. Rajavigneswaran berkata, ia adalah susulan daripada dakwaan SUSK beliau yang mengaku terlibat dalam video lucah tersebut.

"Kami berpendapat imej kementerian dan kerajaan tercalar kerana konspirasi terancang," katanya.